


Headline	Bina 10 pondok tarik pelajar		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	13 Jul 2018	Readership	509,000
Circulation	160,000	Page No	39
Section	Selangor & KL	Journalist	WAN MOHD
ArticleSize	783 cm²		
PR Value	RM 40,068		



Bina 10 pondok tarik pelajar

SMK Sultan Sulaiman
sedia kemudahan selesa
agar guru dan pelajar
dapat lakukan aktiviti
di luar kelas

WAN MOHD ROZLAN WAN OMAR

KUALA TERENGGANU - Suasana persekitaran sekolah memainkan peranan yang cukup besar dalam menyuntik rasa selesa berahad di sekitarnya, malah semangat untuk belajar akan tumbuh segar.

Suasana persekitaran yang kondusif bukan semata-mata terhad kepada adanya landskap yang berupa taman mini yang berhiasan tumbuhan-tumbuhan semata-mata.

Banyak cara yang boleh dilakukan untuk membentuk persekitaran yang menarik.

Misalnya, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Sulaiman, bukan sahaja menyediakan persekitaramnya dengan membina taman mini sahaja, tetapi dalam masa yang sama pihak pengurusan memiliki satu lagi kaedah, iaitu mendirikan wakaf atau pondok untuk pelajar dan guru berhati atau melakukan aktiviti.

Kini, terdapat 10 wakaf atau pondok yang didirikan.

Terbaru dua wakaf yang dibina antara Blok Bilik Guru dengan Blok Pentadbiran.

Wakaf tersebut dirasmikan Pengurus Besar (Perkhidmatan Pengguna), Tenaga Nasional



Nazri (tiga, kanan) ketika upacara perasmian wakaf Teratak Nilam Balduri.

Berhad cawangan Terengganu, Nazri Puteh yang dilangsungkan 28 Jun lalu.

Ketika ditemui selepas acara perasmian, antara lain Nazri memberitahu, pembinaan wakaf seperti yang terdapat di SMKSS merupakan langkah bijak kerana secara tidak langsung ia mengetarkan agihan warisan budaya reka bentuk Melayu lama yang mana selama ini kebanyakan generasi muda kurang mengenalinya.

Kata bellau, lebih menarik lagi setiap wakaf itu diletakkan pelbagai barang khazanah masyarakat lama yang bercirikan keunikan kraftangan



Antara produk kraf yang dipamerkan di wakaf untuk tatapan warga sekolah.

mempunyai nilai seni tinggi.

Hal ini sekali lagi mampu menarik perhatian pelajar untuk menjadikan wakaf sebagai tempat mereka berhati atau melakukan sesuatu aktiviti dalam kegiatan kurikulum yang bermanfaat.

Sementara itu, Pengetua, Wan Rohana Wan Mansor pula beranggapan, pembinaan wakaf atau pondok itu memberikan ruang yang selesa dan kondusif untuk semua warga sekolah berhati santi.

Malahan, katanya wakaf yang didirikan itu juga boleh dijadikan tempat pembelajaran di luar kelas.

Ketika ditanya berkenaan kos perurutan yang disediakan untuk mendirikan wakaf tersebut, Wan Rohana memberitahu, kesemua wakaf

tersebut disumbangkan oleh pelbagai pihak termasuk sumbangan Alumni SMK Sultan Sulaiman yang selama ini begitu banyak menyokong kegiatan yang dirancang oleh sekolah.

Ketua Pelajar Nik Azeem Nik Rushdi, 17, berkata, landskap persekitaran sekolah yang kondusif sangat memberi kesan positif ke atas semangat untuk sentiasa seronok berada di sekolah.

"Saya dapat dengan adanya wakaf atau pondok ini akan membolehkan warga sekolah khususnya buat pelajar memanfaatkan sebagai tempat untuk berbincang atau membaca," katanya yang berclia-cita menjadi seorang saintis nuklear.

Nota: Bagi melihat lebih banyak gambar sila ke www.gpsbestari.com



NIK AZEEM



Sebahagian pelajar berpeluang berhati sambil membaca bahan bacaan di wakaf.